



31 Disember 2021
31 December 2021
P.U. (A) 502

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (NO. 18) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 18) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 18) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 18) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

Pengecualian

1. (1) Surat cara yang berhubung dengan suatu percantuman atau pemerolehan yang diluluskan, yang disempurnakan oleh perusahaan kecil dan sederhana dikecualikan daripada duti setem.

(2) Dalam perenggan ini —

(a) “surat cara yang berhubung dengan suatu percantuman atau pemerolehan yang diluluskan” ertinya —

(i) kontrak atau perjanjian bagi penjualan atau penyewaan harta (tanah, bangunan, jentera dan peralatan);

(ii) surat cara pindah milik dan memorandum persefahaman;

(iii) perjanjian pinjaman atau pembiayaan; dan

(iv) perjanjian penyewaan yang pertama; dan

(b) “perusahaan kecil dan sederhana” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*].

(3) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa permohonan percantuman atau pemerolehan itu diterima oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mulai 1 Julai 2021 tetapi tidak lewat daripada 30 Jun 2022.

(4) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai hanya kepada surat cara yang disempurnakan oleh perusahaan kecil dan sederhana pada atau selepas 1 Julai 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022.

Dibuat 30 Disember 2021
[MOF.TAX(S)700-2/1/105; PN(PU2)159/Jld. 35]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 18) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 18) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 July 2021.

Exemption

2. (1) Instruments in relation to an approved merger or acquisition executed by small and medium enterprises shall be exempted from stamp duty.

(2) In this paragraph —

(a) “instruments in relation to an approved merger or acquisition” means —

(i) contract or agreement for the sale or leasing of property (land, building, machinery and equipment);

(ii) instrument of transfer and memorandum of understanding;

(iii) loan or financing agreement; and

(iv) first leasing agreement; and

(b) “small and medium enterprises” has the same meaning as assigned to it in section 2 of the Small and Medium Industries Development Corporation Act 1995 [*Act 539*].

(3) The exemption under subparagraph (1) shall be subject to the condition that the application for merger or acquisition is received by the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives from 1 July 2021 but not later than 30 June 2022.

(4) The exemption under subparagraph (1) shall apply only to the instrument executed by small and medium enterprises on or after 1 July 2021 but not later than 31 December 2022.

Made 30 December 2021
[MOF.TAX(S)700-2/1/105; PN(PU2)159/Jld. 35]

TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance